

**PERUTUSAN TAHUN BARU 1976 PERDANA
MENTERI, MELALUI RADIO TALIVISYEN
MALAYSIA PADA 31HB DISEMBER, 1975**

Saudara-saudara sekalian,

Besok kita menyambut Tahun Baru 1976. Saya sukacita mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Tahun Baru dan marilah kita berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan kita semua dijauhi dari mara bahaya dan diberkatiNya hidup kita dalam keadaan aman dan bahagia.

Pada ketika menyambut tahun baru yang lalu, saya telah berkata bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin pada hari ini, yang pada masa itu baru saja mendapat mandat yang besar dari rakyat, akan berusaha bersungguh-sungguh memenuhi kehendak dan hasrat rakyat dan menunaikan janji-janji yang dibuat dalam Pilihanraya itu dengan penuh azam dan tekad bagi menjadikan negara Malaysia yang kita kasihi ini negara yang aman, maju dan bersatu padu.

Saudara-saudara sekalian,

Setahun setengah telah berlalu semenjak Pilihanraya Umum yang lalu Kerajaan Barisan Nasional telah berkhidmat kepada rakyat. Saya suka mengulangi di sini iaitu Kerajaan sentiasa berpegang teguh janji-janji dan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Manifesto Pilihanraya yang lalu iaitu:

Mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi dan menjaga jiwa, harta benda dan hak rakyat;

memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik negara sambil menentukan kedudukan negara kita berada di tempat yang mulia dan dihormati di kalangan dunia antarabangsa dengan mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali dan aktif; dan

melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya dan melahirkan satu masyarakat yang adil yang bersatu padu dan makmur di mana kekayaan negara dapat dibahagi dengan lebih adil dan saksama.

Saudara-saudara sekalian,

Saya dan Kerajaan yang saya pimpin tidak akan berganjak dari prinsip-prinsip dan janji-janji ini dan akan terus melaksanakan dengan penuh azam dan dengan seberapa daya yang boleh. Akan tetapi, sebagai negara yang merdeka yang berada dalam kawasan dunia yang sentiasa bergolak, kita terpaksa menghadapi berbagai masalah dan cabaran. Cabaran yang besar yang kita hadapi ialah keselamatan negara.

Dalam tahun ini pengganas-pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional telah memperhebatkan kegiatan mereka dan telah melancarkan tektik-tektik yang baru iaitu mereka telah menjalankan gerakan-gerakan bukan sahaja di hutan rimba bahkan di bandar-bandar besar. Oleh itu, bagi menghadapi ancaman yang serius ini, perlulah Kerajaan membelanja wang yang lebih banyak lagi membesarkan Angkatan Bersenjata kita dengan membekalkan mereka dengan alat-alat kelengkapan yang terbaharu dan moden.

Kita sentiasa bangga dengan keberanian dan ketabahan hati anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita iaitu Tentera dan Polis dalam menghadapi musuh negara. Kita yakin dan percaya dengan mereka mempunyai kekuatan yang cukup, mereka akan dapat mengatasi ancaman-ancaman dari pihak musuh itu.

Akan tetapi, perjuangan menentang pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional tidaklah dapat dijalankan oleh pihak Tentera dan Polis semata-mata. Perlulah rakyat memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan. Perjuangan ini ialah perjuangan yang menentukan "survival" atau hidup matinya negara kita dan cara hidup bebas yang kita junjung tinggi.

Oleh itu, tidak seorang pun patut berdiam diri atau duduk di atas pagar tetapi mestilah sedia berkorban dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentang musuh. Saya dukacita masih ada lagi sebilangan kecil rakyat Malaysia yang memberi pertolongan dan banruan kepada musuh negara. Mereka ini mestilah disifatkan sebagai musuh kita semua dan tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas mereka. Seseorang itu tidak patut mengaku dirinya rakyat Malaysia yang menerima nikmat dan kemudahan daripada negara ini kalau dia tidak berani mempertahankan kedaulatan negaranya, bahkan sebaliknya menolong musuh negara.

Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membolehkan rakyat memberi kerjasama kepada Kerajaan. Rancangan Rukun Tetangga yang baru dilancarkan itu telah mendapat sambutan yang baik dan saya sangat bangga iaitu sebahagian besar rakyat di negara kita adalah bersedia untuk menceburkan diri dan mengambil bahagian bagi mengawal keselamatan dan ketenteraman tempat kediaman dan kampung halaman masing-masing.

Begitu juga kita mestilah mengawasi supaya tidak ada sesiapa pun dapat memberi pertolongan kepada musuh negara kita. Saya seringkali sebutkan iaitu pegganas-peggnas Komunis tidak akan datang mendekati kampung atau bandar kalau mereka itu tidak dapat bantuan daripada rakyat. Oleh itu adalah menjadi kewajipan tiap-tiap seorang mempasti dan menjamin yang pertolongan tidak diberi kepada pegganas-peggnas Komunis.

Saudara-saudara sekalian,

Sungguhpun kita sedang menghadapi keadaan darurat yang serius, Kerajaan akan meneruskan rancangan-rancangan pembangunannya. Kerajaan berkehendakkan tiap-tiap orang rakyat di negara kita mempunyai tempat yang sewajarnya dan taraf hidup yang sempurna. Pada hujung tahun ini berakhirilah Rancangan Malaysia Kedua dan pada tahun hadapan kita akan mula melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita akan mengutamakan bantuan dan pertolongan kepada rakyat yang tidak berada, yang miskin dan daif supaya mereka itu mendapat kemudahan hidup yang sempurna dan pendapatan yang agak lumayan. Keutamaan akan diberi untuk mendirikan rumah-rumah murah di bandar-bandar besar dan kecil supaya sekurang-kurangnya tiap-tiap orang mempunyai tempat kediaman yang sewajarnya.

Begitu juga kita akan mengutamakan rancangan-rancangan bagi memberi pertolongan kepada petani-petani, nelayan-nelayan dan juga penduduk-penduduk luar bandar yang sebahagian besarnya masih berada dalam keadaan miskin dan daif.

Sungguhpun Rancangan Malaysia Kedua telah selamat dilaksanakan dan boleh dikatakan dengan jayanya tetapi saya sendiri belumlah puas hati dengan jentera perlaksanaan. Masih didapati agensi-agensi Kerajaan yang diberi tugas melaksanakan rancangan

pembangunan dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan memuaskan atau dengan dedikasi. Masih ada beberapa rancangan yang tidak dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan atau memberi munafaat yang sebenarnya kepada mereka yang dikehendaki mendapat munafaat itu.

Saya berseru kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di agensi-agensi Kerajaan supaya menjalankan tugas dengan jujur dan dedikasi. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bergantung kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang melaksanakannya. Kalau mereka tidak melaksanakan tugas mereka dengan jujur dan penuh dedikasi, saya khawatir matlamat yang kita hendak capai hams tidak akan berhasil.

Kerajaan bercadang pada awal tahun hadapan untuk menyemak semua jentera-jentera pelaksanaan supaya dapat diatur dengan lebih licin dan sempurna. Masih ramai lagi rakyat di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar bersunggut iaitu mereka tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Perkara ini saya harap dapat dibetul dan dibaiki dengan masalah ini telah lama kita hadapi dan tidak ada sebabnya keadaan ini tidak dapat diperbaiki dengan memuaskan.

Saudara-saudara sekalian,

Sungguhpun kita sedang menghadapi ancaman-ancaman dari pegganas-peganas Komunis yang agak serius, akan tetapi rakyat di negara kita daripada semua bangsa adalah mempunyai keazaman yang kuat untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara dan cara hidup yang bebas dan demokrasi yang kita amalkan.

Begitu juga kita sentiasa mengeratkan kerjasama dengan negara-negara jiran. Baru-baru ini saya telah melawat Sumatra Utara untuk berjumpa dan berunding dengan Presiden Soeharto mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Tidak lama lagi saya akan melawat Thailand dan Burma dan juga Singapura untuk bertukar-tukar fikiran dengan Ketua-ketua Kerajaan Negara itu berkenaan masalah-masalah Wilayah Tenggara Asia dan juga masalah bilateral.


Saya yakin dan percaya dengan kerjasama serantau yang erat yang menjadi tiang seri dasar luar kita, kita akan dapat memperkuatkan kedudukan kita bersama di Tenggara Asia ini. Begitu juga dalam bulan Februari yang akan datang diadakan perjumpaan kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Negara-negara ASEAN di Indonesia. Perjumpaan ini tak dapat tiada akan memberi nafas dan kekuatan baru kepada ASEAN.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berseru agar kita bersama-sama menghadapi Tahun Baru 1976 dengan penuh azam dan tekad, walaupun terpaksa menghadapi cabaran-cabaran, untuk membawa negara kita Malaysia ke tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas lagi. Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, kalau dua belas juta rakyat Malaysia benar-benar bersatu padu dan berazam hendak hidup dalam keadaan aman, bebas dan merdeka, tidak ada kuasa dari mana-mana pun yang boleh menentang kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat kita.

Oleh itu, marilah kita bersatu padu, menguatkan azam dan tekad dan ketabahan hati kita untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemajuan negara kita pada masa akan datang.

Sekianlah sahaja, Selamat Tahun Baru dan Selamat Maju Jaya.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu menyampaikan diploma kepada Pegawai-pegawai tentera di Maktab Tunis Angkatan Tentera Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 11hb Disember, 1975